

01 APR 1996

Najib - Pendidikan

NZ DAN AUSTRALIA MAHU TINGKAT KERJASAMA PENDIDIKAN DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- New Zealand dan Australia berminat mewujudkan kerjasama baru dalam bidang pendidikan dengan Malaysia dan membuka institusi pendidikan di negara ini.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata New Zealand ini serta tertarik dengan beberapa akta baru yang diperkenalkan.

Bercakap kepada pemberita selepas pelancaran Jaringan Ilmu bagi rangkaian perpustakaan elektronik di Malaysia melalui Internet di Perpustakaan Negara di sini, Najib berkata minat New Zealand itu ditunjukkan semasa beliau melawat New Zealand baru-baru ini.

Katanya, New Zealand dan Australia melihat bidang pendidikan penting kerana ia boleh merapat dan mengintegrasikan mereka dengan Asia dan ASEAN di samping dapat mengikis sikap negatif dan memahami dan menghayati nilai budaya dan sejarah Malaysia dan rantau ini.

Menurutnya, kerjasama seumpama itu penting kerana menjadi hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pengaliran dua hala pelajar wujud dan bukan sahaja Malaysia yang menghantar pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Najib berkata langkah ini juga bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara.

Beliau berkata New Zealand dan Australia masing-masing sedang membuat analisis terhadap peluang baru itu yang dijangka dapat memperhebatkan kerjasama dalam pendidikan dengan Malaysia.

Katanya, pada masa ini banyak pusat pengajian tinggi asing ingin membuat perjanjian kerjasama dengan institut pengajian tinggi tempatan seperti mengeluarkan ijazah sama ada di negara ini atau di negara asal tetapi membenarkan penuntut menghabiskan pengajian di negara ini.

Ketika berucap di majlis itu, Najib menyarankan supaya ada persepakatan di kalangan semua pihak khususnya agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk mencetuskan suatu gerakan reformasi yang akan memastikan setiap rakyat benar-benar mempunyai kesempatan menerima dan memanfaatkan maklumat sewajarnya.

Katanya, selama ini rakyat bawahan terutamanya di luar bandar terbelakang akibat kekurangan kesempatan termasuk ketiadaan maklumat untuk mencetuskan kemajuan mereka.

Menurutnya, pencapaian maklumat terkini yang tepat adalah asas bagi seseorang individu membuat keputusan untuk mengatasi persaingan dalam apa juga bidang yang diterokai.

Beliau berkata pangkalan data maklumat tempatan yang sahih, lengkap dan kemaskini perlu dibangunkan untuk dicapai oleh masyarakat Malaysia dan luar negara kerana ini boleh menangani masalah-masalah maklumat yang tidak tepat mengenai negara ini.

Katanya, komitmen daripada pelbagai agensi adalah penting untuk menyokong hasrat kerajaan yang bercita-cita ingin maju dalam bidang sains dan teknologi maklumat.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Puan Mariam Abdul Kadir pula berkata Jaringan Ilmu adalah rangkaian sistem maklumat berkomputer antara perpustakaan di negara ini dan maklumat yang diperolehi adalah dalam bentuk bibliografi, teks penuh dan multimedia.

Katanya, maklumat yang boleh diperolehi itu termasuk mengenai institusi korporat yang menyertai Jaringan Ilmu, lokasi, sejarah, akta, fungsi, falsafah, statistik, peristiwa, koleksi khas seperti manuskrip, katalog

perpustakaan dan sebagainya. -- Bernama
ARA OBA.